



Peningkatan eksport sokong pemulihan ekonomi negara

berbanding bulan sama tahun sebelumnya, sekali gus memberi sokongan kukuh kepada pemulihan ekonomi negara.

Momentum positif eksport Malaysia kekal bulan lalu, apabila meningkat 47.3 peratus kepada RM92.3 bilion, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia dalam Laporan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan itu disumbangkan oleh eksport domestik dan eksport semula.

Beliau berkata, eksport domestik menyumbang 85.2 peratus atau RM78.7 bilion kepada jumlah keseluruhan, lonjakan sebanyak 45.9 peratus.

Katanya, eksport semula juga meningkat 56.1 peratus kepada RM13.7 bilion.

"Prestasi memberangsangkan itu turut menyaksikan nilai import negara mengatasi pertumbuhan eksport buat kali pertama sejak April 2020, naik 50.3 peratus kepada RM78.6 bilion.

"Jumlah dagangan Malaysia pada Mei 2021 meningkat 48.7 peratus kepada RM170.9 bilion berbanding Mei 2020.

"200 daripada 257 kumpulan barangan untuk eksport turut menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya, manakala bagi import, 226 daripada 259 kumpulan merekodkan pertumbuhan positif," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan bahawa peningkatan dalam eksport didorong oleh eksport yang lebih tinggi ke Singapura (RM4.1 bilion), Amerika Syarikat (RM3.3 bilion), India (RM3.0 bilion), Jepun (RM2.1 bilion), China (RM2.1 bilion) dan Kesatuan Eropah (EU) (RM1.9 bilion).

Sementara itu, kenaikan import adalah khususnya dari China (RM7.6 bilion), Singapura (RM2.6bilion), Taiwan (RM1.9 bilion), Korea Selatan (RM1.7 bilion), Jepun (RM1 .7 bilion) dan Indonesia (RM1.6 bilion).

Produk utama yang menyumbang kepada peningkatan eksport antaranya adalah barangan elektrik dan elektronik (RM8.1bilion); keluaran getah (RM3.6 bilion); keluaran petroleum (RM3 bilion); minyak kelapa sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak kelapa sawit (RM2.2 bilion).

Manakala, kenaikan import dicatatkan antaranya bagi barangan elektrik dan elektronik (RM4.9 bilion); keluaran petroleum (RM4.3 bilion); kimia dan bahan kimia (RM2.7 bilion); jentera, kelengkapan dan peralatan (RM1.8 bilion) serta barangan besi dan keluli (RM1.6 bilion).

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berkata, di sebalik ketidaktentuan persekitaran global, nilai eksport, import dan jumlah dagangan Malaysia terus mengekalkan pertumbuhan kukuh dua angka tahun ke tahun.

Bagaimanapun, beliau berkata, bagi perbandingan prestasi bulan ke bulan pula, ia menerima impak negatif seiring ketidaktentuan aktiviti ekonomi dalam negara.

"Prestasi bulan ke bulan bagi eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan masing-masing menunjukkan penurunan sebanyak 12.6 peratus, 7.8 peratus, 10.4 peratus dan 32.5 peratus," katanya.

<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/833007/peningkatan-eksport-sokong-pemulihan-ekonomi-negara>